

**PROSEDUR PENYERAHAN TESIS/DISERTASI BAGI PENGESAHAN PEMBETULAN  
SECARA ATAS TALIAN (ONLINE) – PROSES DI FAKULTI**

1) Pelajar memuat turun *softcopy* borang di laman sesawang IPS dan melengkapkan maklumat yang diperlukan dalam borang tersebut (Borang Pengesahan Pembetulan UPSI/IPS-3/BO 25 Pind: 03 m/s 5/5).

2) Pelajar menghantar *softcopy* borang yang telah lengkap diisi beserta lampiran yang dikehendaki melalui e-mel kepada penyelia untuk mendapatkan perakuan serta turut disalinkan (*carbon copy c.c*) kepada \*fakulti masing-masing. Dokumen yang perlu dilampirkan adalah seperti berikut:

Perkara	Catatan
a) Naskhah tesis/disertasi yang telah diperbetulkan	<i>Softcopy</i> tesis/disertasi yang dilampirkan hendaklah dalam satu dokumen fail sahaja berformat PDF
b) Naskhah tesis/disertasi asal sebelum pembetulan	<i>Softcopy</i> tesis/disertasi yang dilampirkan hendaklah dalam satu dokumen fail sahaja berformat PDF
c) Laporan Pembetulan Tesis/Disertasi	Mengikut Format yang dilampirkan Bersama Borang Pengesahan Pembetulan
d) Abstrak Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	<i>Softcopy</i> abstrak berformat PDF
e) Keperluan Bergradut/Penerbitan	Salinan Jurnal/Prosiding atau Surat Penerimaan Jurnal untuk diterbitkan

3) Penyelia menerima borang pelajar dan memperakukan permohonan tersebut.

4(a) Bagi pembetulan kesilapan kecil  
(semakan penyelia)

- Penyelia memajukan borang yang telah diberikan perakuan melalui e-mel kepada staf pentadbiran fakulti untuk mendapatkan pengesahan Dekan/ Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) Fakulti.
- Staf Pentadbiran fakulti perlu memastikan borang lengkap diisi dan disertakan dengan dokumen lampiran yang telah dinyatakan pada perkara (2).

4(b) Bagi pembetulan kesilapan sederhana besar  
(semakan penyelia & pemeriksa dalam)

- Penyelia memajukan borang yang telah diberikan perakuan melalui e-mel kepada staf pentadbiran fakulti.
- Staf pentadbiran fakulti memajukan borang dan dokumen lampiran melalui e-mel kepada pemeriksa dalam untuk \*\*semakan pengesahan pembetulan tesis/disertasi
- Pemeriksa dalam memajukan borang yang telah diberikan perakuan melalui e-mel kepada staf pentadbiran fakulti untuk mendapatkan pengesahan Dekan/ Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) Fakulti.
- Staf Pentadbiran fakulti perlu memastikan borang lengkap diisi dan disertakan dengan dokumen lampiran yang telah dinyatakan pada perkara (2).


4(c) Bagi pembetulan kesilapan besar  
(semakan pemeriksa dalam & pemeriksa luar)

- Penyelia memajukan borang yang telah diberikan perakuan melalui e-mel kepada staf pentadbiran fakulti.
- Staf Pentadbiran fakulti perlu memastikan borang lengkap diisi [kecuali bagi pengesahan Dekan/Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) Fakulti] dan disertakan dengan dokumen lampiran yang telah dinyatakan pada perkara (2).
- Tesis/disertasi pembetulan beserta dokumen lampiran perlu diserahkan terus melalui e-mel kepada pihak IPS untuk proses semakan semula oleh pemeriksa dalam/luar.
- Setelah selesai proses semakan semula oleh pemeriksa dalam/luar dan tindakan pembetulan oleh pelajar (sekiranya ada), pelajar perlu sekali lagi melakukan proses pada perkara (1-3) dan seterusnya staf pentadbiran fakulti perlu mengikut proses pada perkara 4(a) dan (5) sehingga lengkap sebelum proses pada perkara (6) boleh dilakukan.

5) Staf pentadbiran fakulti mendapatkan perakuan abstrak pelajar daripada Jawatankuasa Semakan Abstrak dan Dekan/ Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa).

6) Staf pentadbiran fakulti memajukan borang yang telah lengkap beserta dokumen lampiran kepada Unit Penyeliaan IPS (uppp.ips@upsi.edu.my)

**PROSEDUR PENYERAHAN TESIS/DISERTASI BAGI PENGESAHAN PEMBETULAN  
SECARA ATAS TALIAN (ONLINE) – PROSES DI IPS**



**\*Alamat e-mel fakulti adalah seperti berikut:**

<b>Fakulti</b>	<b>Alamat e-mel</b>
Fakulti Pembangunan Manusia (FPM)	admin@fpm.upsi.edu.my
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE)	info@fpe.upsi.edu.my
Fakulti Sains dan Matematik (FSM)	info@fsm.upsi.edu.my
Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK)	info@fsskj.upsi.edu.my
Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV)	admin@ftv.upsi.edu.my
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP)	info@fm.upsi.edu.my
Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK)	tda@fsk.upsi.edu.my
Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK)	admin@fbk.upsi.edu.my
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK)	admin@fskik.upsi.edu.my
Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC)	pascasiswazahncdrc@gmail.com
Institut Peradaban Melayu (IPM)	info@ipm.upsi.edu.my